

CNS8284

R CB 04-09 00194 BH650

BAH

Mahathir - Kabinet

MELAKA, 4 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempenyerusikan mesvuarat mingguan jemaah Menteri di bandarava bersejarah ini, pagi ini.

Mesvuarat yang bermula kira-kira pukul 9 pagi di Hotel Ramada Renaissance di sini merupakan kali ketiga diadakan di luar ibu negara selepas di Langkawi dan Kuching.

Perdana Menteri dan para anggota Kabinet tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi selama dua hari ke negeri ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata semalam langkah mengadakan mesvuarat Kabinet di negeri-negeri adalah baik kerana ia membolehkan Kabinet meninjau kemajuan di peringkat negeri di samping menjalinkan hubungan baik antara pemimpin pusat dan negeri.

Katanya, beberapa kerajaan negeri lain telah membuat jemputan kepada jemaah Menteri supaya mengadakan mesvuarat di negeri mereka.

Petang ini, Datuk Seri Dr Mahathir, isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali serta rombongannya akan melawat Pulau Besar untuk merasmikan pusat peranginan di pulau itu.

Sebelum mengakhiri lawatannya hari ini, Perdana Menteri, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, akan menghadiri jamuan malam bersama para pemimpin parti komponen BN negeri di sini. -- Bernama.

♥04/09/11-17MST